

DANA terima sumbangan BND4,895 hasil Ekspedisi Berbasikal Varsiti

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANADAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mac. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) telah menerima sumbangan sejumlah BND4,895 hasil kutipan daripada Acara Ekspedisi Berbasikal Varsiti.

Sumbangan tersebut diberikan oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB), iaitu hasil kutipan melalui Acara Ekspedisi Berbasikal Varsiti yang dianjurkan bersama oleh ketiga-tiga universiti tersebut

pada 19 Februari lalu.

Hadir menerima sumbangan bagi wakil DANA pada majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman.

Manakala hadir bagi menyempurnakan sumbangan tersebut ialah Naib Canselor UBD, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; dan Naib Canselor UTB, Dr. Dayang Hajah

Zohrah binti Haji Sulaiman.

DANA sangat menghargai sokongan dan sumbangan daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman (kiri) hadir menerima sumbangan bagi wakil DANA daripada Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; dan Naib Canselor UTB, Dr. Dayang Hajah



Pelajar TASKA YSHHB lawat Jame' 'Asr Hassani Bolkiah

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mac. - Seramai 124 murid Taman Asuhan Kanak-kanak TASKA YSHHB telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Kehadiran rombongan TASKA YSHHB dialu-alukan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan masjid berkenaan.

Rombongan murid-murid TASKA berpeluang menyaksikan tayangan

video mengenai sejarah masjid tersebut.

Kemudiannya, mereka dibawa melawat di sekitar dalam dan luar masjid tersebut termasuk perpustakaan, tempat berwuduk serta

tempat sembahyang.

Lawatan tersebut antara lain bertujuan untuk memperkenalkan murid-murid TASKA tentang masjid utama yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, lawatan tersebut juga diadakan untuk memupuk nilai-nilai murni terhadap ugama juga menerapkan konsep Melayu Islam Beraja semenjak dari kecil lagi.



Pelbagai aktiviti diadakan sempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia



PELAJAR-PELAJAR sekolah ketika mengikuti aktiviti sempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Mac. - Bersempena dengan Hari Kesihatan Mulut Sedunia yang akan disambut pada 20 Mac 2017 ini, Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan mengadakan beberapa aktiviti selama empat hari bermula hari ini hingga 16 Mac 2017 di Pusat Pergigian Negara.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, tema bagi Hari Kesihatan Mulut Sedunia pada tahun 2017 adalah 'Live Mouth Smart', yang bermaksud menjaga gigi dengan bijak dengan menjaga kesihatan mulut dengan baik, mengelakkan faktor-faktor risiko dan pemeriksaan pergigian yang kerap dari awal usia untuk membantu mengekalkan kesihatan mulut yang optimum sampai ke usia tua.

Kira-kira 350 orang peserta dari lapan buah sekolah swasta dan Pusat Autism Spectrum Disorder (ASD) Persatuan SMARTER menyertai aktiviti-aktiviti yang dikendalikan seperti Panggung Pergigian, Permainan Interaktif, Latihan Memberus Gigi, Kajian Pergigian,

Pemakanan Seimbang dan 'Dentist Role Play'.

Objektif utama aktiviti-aktiviti tersebut selain memperingati Hari Kesihatan Mulut Sedunia 2017, ialah untuk memberi pengetahuan, memupuk dan meningkatkan kesedaran terhadap tabiat baik penjagaan kebersihan mulut (*personal oral hygiene*) dan pencegahan kerosakan gigi dalam kalangan kanak-kanak termasuk mereka yang berkeperluan khas.

Dengan aktiviti sedemikian, ia diharapkan akan dapat memperkukuhkan lagi usaha penjagaan kesihatan mulut dan pencegahan kerosakan gigi di negara ini bersama semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) selaras dengan salah satu keutamaan strategik Kementerian Kesihatan, iaitu menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai aktiviti tersebut orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan <http://www.moh.gov.bn> atau menghubungi talian Darussalam 123.

PENYAMPAIAN cenderamata daripada wakil pihak masjid kepada wakil TASKA YSHHB, Dayang Norsiah binti Ahmad (atas kiri), sementara gambar kanan, sebahagian rombongan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan lawatan ke Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong.



Sertai aktiviti menanam dan menuai padi

Berita dan Foto : Ihsan Faridah Ibrahim

KUALA BELAIT. - Seramai 18 orang bekas penghuni asrama Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS) pada tahun 1980 - 1990 mengadakan aktiviti menuai (mengetam padi) secara tradisional di Lot Sengkuang Rampayoh Labi, Ulu Belait pada 11 Mac 2017 yang lalu.

Aktiviti menuai tersebut dilaksanakan di lot sawah Dato Paduka Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan selaku pemilik Ladang Padi Lot Sengkuang Rampayoh Labi, Ulu Belait dan juga selaku Ketua Penuntut semasa di asrama Maktab SOAS di zaman persekolahan dahulu.

Selain berpeluang merasakan pengalaman menuai dan menanam padi secara tradisional, mereka juga dapat mengeratkan silaturahim dan berpeluang menikmati keindahan Kampung Labi di sepanjang perjalanan menuju ke sawah bendang di Lot Sengkuang Rampayoh Labi di Ulu Belait.

Ini adalah kali kedua bekas penghuni asrama Maktab SOAS mengadakan aktiviti memucang-mucang untuk mengetam padi atas undangan Dato Paduka Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan, di mana kali pertama mengetam padi di tempat

yang sama, iaitu pada Ahad, 5 Mac 2017.

Ketika ditemui, Dato Paduka Haji Mohd. Kassim berkata beliau adalah Penasihat kepada Majlis Perundingan Kampung Labi II, Mukim Labi, Daerah Belait sehingga sekarang.

Sawah padi Lot Sengkuang jelasnya, telah dibuka sejak awal tahun 1950an dan lot yang beliau miliki telah diusahakan sejak tahun 1999 dan dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim pada ketika itu.

Keluasan sawah padi yang diusahakan ialah seluas enam ekar sahaja dan antara padi yang ditanam ialah Padi Pusu, Padi BDR 5, Padi Laila dan Padi Bario.

Menurut Dato Paduka, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah juga pernah berangkat menuai padi milik beliau pada 6 Mac 2014.

"Kita mestilah rajin dan tekun berusaha dengan bersandarkan pada slogan 'Sentiasa berbakti kepada tanah' dan kepada bekas penghuni asrama Maktab SOAS, insyaaAllah semoga umur kita dipanjangkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan akan berjumpa lagi menuai padi dan berjaya di tahun hadapan," ujar Dato Paduka mengharap.



BEKAS penghuni asrama Maktab Sultan 'Omar Ali Saifuddin (SOAS) pada tahun 1980 - 1990 semasa mengikuti aktiviti menuai padi secara tradisional di Lot Sengkuang Rampayoh Labi, Ulu Belait.